

Dasar Perlindungan Data Peribadi LTAT

1. Pendahuluan

Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta”) yang telah berkuatkuasa pada 15 November 2013 untuk mengawal pemprosesan data peribadi bagi transaksi-transaksi komersil, LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (selepas ini dirujuk sebagai “LTAT”), termasuk anak-anak syarikat LTAT yang wujud sekarang dan/atau pada masa hadapan, adalah komited untuk memastikan pematuhan Akta berkenaan dengan sepenuhnya.

Dasar ini menjelaskan bagaimana LTAT mengendalikan data peribadi yang berkaitan dengan mana-mana orang biasa, termasuk kakitangan atau bakal kakitangan, pencarum / bakal pencarum, klien / bakal klien, pelabur / bakal pelabur, pembekal / bakal pembekal, kontraktor / bakal kontraktor atau lain-lain individu yang dikumpulkan, diproses dan disimpan oleh LTAT. Dasar ini juga bertujuan untuk memberikan pengetahuan bagaimana subjek data boleh mengawal penzahiran data peribadi oleh LTAT.

2. Tafsiran

“Persetujuan” adalah kepada perjanjian, termaklum dan terdahulu diberikan oleh subjek data bagi pemprosesan data peribadi beliau.

“Data peribadi” adalah apa-apa maklumat yang:

- Berkaitan dengan orang biasa yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti; atau
- Seseorang yang boleh dikenal pasti adalah seseorang yang boleh dikenal pasti, secara langsung atau secara tidak langsung, khususnya melalui rujukan kepada nombor pengenalan atau ciri-ciri fizikal, psikologi, mental, ekonomi, budaya atau karakter sosial orang tersebut. Data peribadi boleh berkait dengan mana-mana orang biasa, termasuk kakitangan atau bakal kakitangan, pencarum, klien, pelabur, pembekal, kontraktor atau lain-lain individu; atau
- Termasuk mana-mana data yang sensitif dan pendapat yang diutarakan oleh subjek data tersebut.

“Data peribadi sensitif” adalah terdiri daripada maklumat mengenai:

- Kesihatan atau keadaan fizikal dan mental subjek data; atau
- Pendapat politik subjek data; atau
- Kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya subjek data; atau
- Pelakuan atau pengataan pelakuan apa-apa kesalahan oleh subjek data; atau
- Rekod-rekod kesalahan jenayah; atau
- Bankrap / muflis; atau
- Apa-apa data peribadi lain yang ditentukan oleh Menteri.

“Pengguna data” adalah seseorang samada secara individu atau secara berkumpulan atau secara bersama-sama memproses mana-mana data peribadi atau yang mempunyai kawalan

atau membenarkan pemprosesan mana-mana data peribadi tetapi tidak termasuk pemproses data.

“Subjek data” adalah seseorang individu, individu persendirian mengenai siapa maklumat dikumpul, disimpan atau diproses.

“Pemproses data” adalah seseorang individu selain daripada pekerja kepada pengguna data, yang memproses data peribadi hanya bagi pihak pengguna data, dan tidak memproses data peribadi bagi tujuannya yang tersendiri.

“Pemprosesan” adalah mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan data peribadi atau menjalankan apa-apa pengendalian atau set pengendalian terhadap data peribadi itu, termasuk:

- Penyusunan, penyesuaian atau pengubahan data peribadi; atau
- Mendapatkan kembali, merujuk kepada atau menggunakan data peribadi; atau
- Penzahiran data peribadi melalui penghantaran, pemindahan, penyebaran atau selainnya menjadikannya tersedia; atau
- Penjajaran, penggabungan, pembetulan, pemadaman atau pemusnahan data peribadi.

“Pihak ketiga” adalah seseorang atau syarikat yang bukan merupakan subjek data pihak kepada kontrak atau transaksi dengan LTAT, tetapi tidak termasuk anak-anak syarikat, kontraktor, subkontraktor, ejen yang diberi kuasa, penjual dan penasihat profesional LTAT.

“Menteri” adalah merujuk kepada Menteri Maklumat, Komunikasi & Budaya.

3. Jenis-Jenis Data Peribadi yang Mungkin Diproses oleh LTAT

Jenis-jenis data peribadi yang mungkin diproses oleh LTAT adalah termasuk dan tidak terhad kepada yang berikut:

- Latar belakang keluarga.
- Maklumat orang yang boleh dihubungi.
- Kelayakan akademik dan professional.
- Rekod kecergasan.
- Latar belakang.
- Log telefon dan rakaman.
- Maklumat berkenaan dengan kesihatan.
- Maklumat peribadi.
- Latar belakang akademik.

4. Bagaimana Data Peribadi Subjek Data Digunakan

Selain daripada data peribadi yang diberikan kepada LTAT secara langsung, LTAT juga mungkin mengumpul data peribadi daripada pelbagai sumber termasuk dan tidak terhad kepada maklumat yang terkandung dalam mana-mana borang permohonan pekerjaan, borang akuan perubatan atau borang-borang serupa bentuk, daripada sumber-sumber pihak ketiga seperti bank, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), laman web pengiklanan kerja, rujukan daripada pihak ketiga yang lain, apabila subjek data menyerahkan maklumat samada dari sumber-sumber berikut atau dari maklumat lain yang dibekalkan kepada LTAT atau anak-anak syarikat LTAT seperti:

- Resume.
- Borang permohonan.
- Borang butiran peribadi.
- Sijil-sijil yang berkaitan.

Bagi bakal pekerja LTAT, penyediaan data peribadi kepada LTAT adalah secara sukarela dan kegagalan untuk memberikan data peribadi akan menyebabkan LTAT tidak dapat mempertimbangkan permohonan untuk bekerja di dalam LTAT.

Bagi pekerja yang telah diterima untuk digaji oleh LTAT, pemberian data peribadi kepada LTAT adalah wajib bagi tujuan penggajian dengan LTAT, untuk memproses gaji dan untuk menikmati manfaat yang ditawarkan oleh LTAT kepada kakitangannya serta untuk mematuhi undang-undang.

Di mana ahli keluarga pekerja dilindungi di bawah Skim Perubatan LTAT, penyediaan data peribadi ahli keluarga juga adalah wajib. Kegagalan untuk menyediakan maklumat ahli keluarga pekerja untuk tujuan ini akan menyebabkan ahli keluarga pekerja tersebut tidak dapat menikmati faedah perubatan yang ditawarkan oleh LTAT.

Dalam sesetengah keadaan, data peribadi subjek data mungkin didapati secara tidak langsung daripada:

- Semakan rujukan/ semakan latar belakang/sumber penentusan (persendirian atau swasta).
- Penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan mana-mana pihak ketiga lain berhubung atau bersampingan dengan yang tersebut di atas.
- Harta LTAT seperti komputer, telefon bimbit, mesin faksimili, mesin fotokopi dan lain-lain.
- Peranti pemantau atau dengan cara lain seperti sistem kawalan akses bangunan dan lokasi dan sistem pemantauan, televisyen litar tertutup, log telefon dan rakaman dan log e-mel dan log akses Internet.

5. Tujuan Pemprosesan

Pemprosesan itu perlu bagi tujuan-tujuan berikut:

- Bagi pengambilan kerja:
 - Bagi maksud menjalankan atau melaksanakan apa-apa hak atau obligasi yang diberikan atau dikenakan oleh undang-undang ke atas LTAT yang berkaitan dengan pengambilan kerja.
- Jika seorang bakal pekerja, untuk:
 - Tujuan penilaian kesesuaian untuk penggajian, termasuk untuk penentuan kecergasan perubatan pra-pekerjaan;
 - Bagi penilaian permohonan kerja di LTAT; dan
 - Tujuan pentadbiran am dan penyimpanan rekod.
- Setelah digaji oleh LTAT, untuk:
 - Tujuan pentadbiran am dan penyimpanan rekod;
 - Penggajian;
 - Keperluan latihan dan pembangunan;
 - Pengurusan prestasi;
 - Pelaksanaan penstrukturran;
 - Perkembangan kerjaya dan penempatan dan pengurusan kerja;
 - Mentadbir, meluluskan dan memantau manfaat pekerja dan hak, seperti perlindungan insurans dan manfaat perubatan;
 - Memberi pekerja subsidi atau pendahuluan untuk perayaan;
 - Audit dan tujuan pematuhan;
 - Pengurusan risiko dan tujuan keselamatan;
 - Menyediakan dan memantau akses kepada tempat kerja dan sistem dan kemudahan yang berkaitan;
 - Tindakan disiplin;
 - Untuk tujuan tadbir urus korporat;
 - Bagi peruntukan data peribadi kepada pihak yang dibenarkan yang mungkin dipohon oleh pekerja;
 - Untuk tujuan mematuhi undang-undang berkanun dan syarat badan-badan kerajaan dan pihak-pihak lain; dan
 - Tujuan-tujuan lain yang berkaitan dengan pekerjaan.
- Jika merupakan pencarum LTAT, untuk:
 - Menilai permohonan untuk mana-mana perkhidmatan LTAT;
 - Mengurus dan menyelenggara akaun dan kemudahan;
 - Menilai keperluan kewangan dan meneruskan pelaksanaan obligasi yang ditetapkan oleh undang-undang antara pencarum dan LTAT;
 - Menjawab pertanyaan dan aduan serta menyelesaikan pertikaian;
 - Fungsi dalaman seperti menilai keberkesanan perkhidmatan yang diberikan oleh LTAT kepada pencarum, penyelidikan pasaran, pelaporan, pengurusan audit dan risiko serta mencegah penipuan; dan

- Memenuhi apa-apa keperluan kawal selia dan untuk apa-apa sebab lain yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh LTAT kepada pencarum selaras dengan peruntukan undang-undang.
- Tujuan-tujuan lain adalah:
 - Untuk melindungi kepentingan vital subjek data atau orang lain (sekiranya persetujuan tidak dapat diberikan sendiri oleh subjek data) atau LTAT mempunyai kepercayaan yang munasabah bahawa LTAT tidak mampu untuk mendapatkan persetujuan yang nyata daripada subjek data tersebut; dan
 - Untuk memenuhi mana-mana peruntukan yang dikuatkuasakan di Malaysia bagi LTAT menjalankan fungsi-fungsi LTAT.

6. Kepada Siapa Data Peribadi Dizahirkan

Maklumat peribadi subjek data mungkin dipindahkan, diakses atau dizahirkan kepada pihak ketiga untuk tujuan yang dinyatakan. Selanjutnya, LTAT boleh melibatkan syarikat-syarikat lain, pembekal perkhidmatan atau individu untuk melakukan fungsi-fungsi bagi pihaknya, dan seterusnya mungkin memberikan akses atau menzahirkan data peribadi subjek data kepada pembekal perkhidmatan atau pihak ketiga tersebut.

Pihak-pihak ketiga yang dinyatakan di atas termasuk dan tidak terhad kepada:

- Pihak ketiga di mana LTAT menyumberluar fungsi dalaman tertentu, seperti vendor teknologi maklumat dan penyedia perkhidmatan sistem gaji;
- Penasihat undang-undang, juruaudit dan jururunding luaran;
- Entiti-entiti lain yang berkaitan dengan LTAT;
- Badan-badan perundangan seperti KWSP, PERKESO, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan yang mana-mana berkenaan;
- Badan-badan penguatkuasaan bagi keselamatan, kastam dan imigresen;
- Bank dan institusi kewangan;
- Syarikat insurans (Insurans Kelompok Pekerja).

7. Bagaimana LTAT Memproses Data Peribadi

LTAT hanya memproses data peribadi selaras dengan 7 prinsip yang telah digariskan oleh Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 seperti berikut:

7.1 Prinsip Am:

- LTAT tidak akan memproses data peribadi bagi subjek data tanpa kebenarannya.
- LTAT hanya akan memproses data peribadi bagi tujuan:
 - Yang dibenarkan undang-undang dan atau peraturan-peraturan termasuk dan tidak terhad kepada Akta Tabung Angkatan Tentera 1973, Peraturan Kewangan LTAT dan Skim Perkhidmatan LTAT, yang secara langsung berkait dengan aktiviti LTAT;
 - Data peribadi tersebut diproses; dan

- Yang mencukupi tetapi tidak berlebihan berkait dengan maksud tersebut.

7.2 Prinsip Notis dan Pilihan:

- LTAT akan memaklumkan subjek data melalui notis bertulis secepat yang mungkin mengenai yang berikut:
 - Bahawa data peribadi sedang diproses oleh LTAT dan keterangan mengenai data peribadi yang diproses tersebut kepada subjek data;
 - Maksud pengumpulan dan pemprosesan data peribadi tersebut;
 - Sumber yang diperolehi oleh LTAT berkenaan dengan data peribadi subjek data dan hak subjek data untuk meminta akses kepada dan untuk membuat pembetulan data peribadi;
 - Cara-cara bagi subjek data membuat pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi subjek data;
 - Kelas-kelas pihak ketiga kepada siapa data peribadi telah / mungkin dizahirkan;
 - Pilihan dan cara yang ditawarkan oleh LTAT kepada subjek data bagi mengehadkan pemprosesan data peribadi termasuk data peribadi seseorang yang diperolehi daripada data peribadi subjek data tersebut;
 - Sama ada pemberian data peribadi adalah wajib atau sukarela; dan
 - Sekiranya pemberian data peribadi oleh subjek data tersebut adalah wajib, kesan-kesan akibat kegagalan subjek data untuk memberikan data peribadi tersebut.

7.3 Prinsip Penzahiran:

- LTAT akan memaklumkan kepada subjek data mengenai tujuan data peribadi diambil dan dizahirkan kepada mana-mana pihak ketiga (sekiranya perlu) bagi tujuan yang telah dinyatakan oleh LTAT semasa data peribadi tersebut dikumpul, termasuk di luar Malaysia (sekiranya perlu) dengan kawalan yang bersesuaian.
- LTAT tidak akan menzahirkan data peribadi bagi sebarang maksud lain dan kepada pihak ketiga melainkan perkara-perkara berikut:
 - Kebenaran telah diperolehi oleh LTAT daripada subjek data berkenaan dengan penzahiran tersebut;
 - Bagi tujuan mengenal pasti atau mengelakkan kelakuan jenayah atau bagi tujuan penyiasatan oleh agensi penyiasatan di bawah mana-mana undang-undang penguatkuasaan atau ia adalah keperluan di bawah undang-undang;
 - LTAT mempunyai kepercayaan yang munasabah bahawa LTAT mempunyai hak yang sah di bawah mana-mana undang-undang untuk menzahirkan data peribadi tersebut kepada pihak ketiga;
 - LTAT mempunyai kepercayaan yang munasabah bahawa Data Subjek akan bersetuju terhadap penzahiran tersebut sekiranya Data Subjek mempunyai pengetahuan berkenaan dengan tujuan penzahiran tersebut; atau
 - Penzahiran tersebut adalah bagi tujuan kepentingan awam seperti yang ditentukan oleh Menteri.

7.4 Prinsip Keselamatan:

- LTAT adalah bertanggungjawab bagi mengambil langkah berhemah untuk melindungi kerahsiaan dan keselamatan semua data peribadi, termasuk melaksanakan prosedur, organisasi dan teknikal sewajarnya untuk melindungi data peribadi daripada pemusnahan tidak disengajakan atau menyalahi undang-undang atau kehilangan, pindaan atau penzahiran tidak disengajakan. Langkah ini termasuk menandatangani perjanjian bertulis dengan mana-mana pihak ketiga yang memproses data peribadi selaras dengan arahan LTAT dan sekurang-kurangnya memasukkan standard perlindungan data LTAT sendiri.
- LTAT mempunyai dasar dan prosedur keselamatan yang berpatut bagi melindungi maklumat peribadi daripada apa-apa kehilangan, salah guna, ubahsuaian, atau pemusnahan tanpa kebenaran. Walau bagaimanapun, di sebalik langkah-langkah terbaik LTAT, keselamatan tidak boleh dijamin secara mutlak terhadap semua ancaman. Setakat keupayaan terbaik LTAT, akses kepada data peribadi subjek data adalah terhad kepada mereka yang perlu untuk mengetahuinya melalui saluran dan cara yang sah. Individu-individu tersebut yang mempunyai akses kepada data peribadi adalah dikehendaki untuk menyimpan kerahsiaan mengenai maklumat sedemikian.

7.5 Prinsip Penyimpanan:

LTAT perlu mengambil langkah-langkah yang munasabah supaya:

- Data peribadi hanya disimpan untuk selama yang diperlukan dan bagi tujuan data peribadi tersebut dikumpul; dan
- Data peribadi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal atau dipulangkan kepada subjek data (sekiranya dipohon) selepas maksud pengumpulan dipenuhi mengikut prosedur-prosedur dalaman LTAT.

7.6 Prinsip Integriti Data:

LTAT akan memastikan bahawa setiap data peribadi yang sedia ada adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini serta menepati maksud tujuan sesuatu data itu disimpan atau diproses.

7.7 Prinsip Akses:

- LTAT mengiktiraf hak subjek data untuk mendapatkan tanpa sekatan pada jangka masa yang munasabah dan tanpa kelewatan atau perbelanjaan berlebihan:
 - Pengesahan berhubung dengan sama ada LTAT, mana-mana wakil atau ejen memegang atau memproses data peribadi berkaitan dengan beliau;
 - Maklumat mengenai maksud (maksud-maksud) memproses, kategori data berkenaan, dan penerima atau kategori penerima;
 - Maklumat dalam bentuk yang boleh difahami berhubung dengan data yang berkaitan dengan beliau sedang diproses dan sumber data tersebut; dan
 - Maklumat, sebagaimana wajar, berhubung dengan logik yang mendasari pemprosesan data.

- Selanjutnya, LTAT mengiktiraf hak subjek data untuk menghendaki, sebagaimana wajar, pembetulan, pemadaman atau penyekatan data apabila pemprosesan data tersebut tidak mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan terpakai. LTAT akan memaklumkan, sehingga tahap yang munasabah, pihak ketiga kepada sesiapa yang data peribadi telah dizahirkan mengenai mana-mana pembetulan, pemadaman atau penyekatan tersebut.
- Subjek data berhak untuk mengakses data peribadi beliau yang sedang digunakan oleh LTAT dengan membuat permintaan secara bertulis yang akan dipatuhi dalam masa 21 hari bekerja dari tarikh penerimaan permintaan tersebut.
- LTAT tidak akan bertanggungjawab bagi mendapatkan persetujuan subjek data di mana pemprosesan data peribadi adalah perlu:
 - Bagi melaksanakan kontrak yang mana subjek data adalah pihak kepadanya;
 - Bagi mengambil langkah atas permintaan subjek data dengan maksud untuk memasuki kontrak dengan subjek data;
 - Bagi mematuhi apa-apa obligasi undang-undang yang mana LTAT adalah tertakluk kepadanya, selain daripada obligasi yang dikenakan oleh sesuatu kontrak;
 - Bagi melindungi kepentingan vital subjek data;
 - Bagi pentadbiran tatatertib, surcaj dan keadilan; atau
 - Bagi menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepada mana-mana orang oleh atau di bawah mana-mana undang-undang.
- Adalah menjadi dasar LTAT bahawa data peribadi hendaklah diproses dengan adil dan mengikut undang-undang. LTAT bertanggungjawab bagi mengumpul data peribadi hanya untuk maksud khusus, mengikut undang-undang, eksplisit dan sah, dan bagi pemprosesan selanjutnya data peribadi yang konsisten dengan maksud tersebut.
- Adalah menjadi dasar LTAT bahawa data peribadi adalah mencukupi, relevan dan tidak berlebihan berhubung dengan maksud untuk yang mana data peribadi tersebut dikumpul atau diproses selanjutnya. LTAT bertanggungjawab bagi mengambil segala langkah munasabah untuk menyimpan data tersebut secara tepat, menyediakan cara-cara munasabah bagi membentul, memadam, atau membentulkan mana-mana data yang tidak tepat, dan menyimpan data tersebut untuk tempoh-tempoh tidak melebihi daripada apa yang diperlukan.

8. Hak-hak Subjek Data Adalah Seperti Berikut:

- Diberitahu tujuan data peribadi diproses.
- Hak subjek data untuk mengakses data peribadi sekiranya perlu.
- Hak subjek data untuk membetulkan data peribadi yang telah diproses.
- Hak subjek data untuk menarik balik kebenaran memproses data peribadi tersebut.
- Hak subjek data untuk menghalang pemprosesan yang mungkin menyebabkan kerosakan atau tekanan (distress).
- Hak subjek data untuk meminta LTAT supaya tidak menggunakan butir-butir peribadi untuk tujuan selain daripada tujuan utama LTAT.
- Subjek data juga adalah berhak untuk menghalang pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung.
- LTAT hanya akan memproses data peribadi sensitif:
 - Dengan persetujuan subjek data;
 - Di mana pemprosesan itu perlu bagi mana-mana maksud berikut:
 - a. Bagi maksud menjalankan atau melaksanakan apa-apa hak atau obligasi yang diberikan atau dikenakan oleh undang-undang ke atas LTAT yang berkaitan dengan pengambilan kerja;
 - b. Untuk melindungi kepentingan vital orang lain, dalam hal di mana persetujuan oleh atau bagi pihak subjek data telah ditahan secara tidak munasabah;
 - c. Bagi maksud perubatan;
 - d. Bagi maksud prosiding undang-undang;
 - e. Bagi maksud mendapatkan nasihat undang-undang;
 - f. Bagi maksud membuktikan, menjalankan atau mempertahankan hak undang-undang;
 - g. Pentadbiran keadilan;
 - h. Menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepada mana-mana orang oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
 - i. Bagi apa-apa maksud lain yang difikirkan patut oleh Menteri; atau
 - j. Maklumat yang terkandung dalam data peribadi itu telah diumumkan kepada orang awam akibat langkah yang diambil oleh subjek data secara sengaja.
- Subjek data boleh menarik balik persetujuan beliau pada bila-bila masa dan boleh melampirkan apa-apa syarat atau batasan yang beliau percaya sebagai wajar.

9. Pertanyaan/Aduan

Subjek data boleh membuat permohonan akses atau meminda data peribadi yang terdapat di LTAT. Bagi melaksanakan hak subjek data, Borang Permohonan Untuk Mengakses/Mengemaskini Data Peribadi perlu dikemukakan kepada LTAT. Borang tersebut boleh didapati seperti di dalam butiran berikut:

Pejabat LTAT : Lembaga Tabung Angkatan Tentera
Jabatan Pengurusan Risiko & Pematuhan,
Tingkat 2 (Kanan),
Bangunan LTAT, 55100 Jalan Bukit Bintang,
Kuala Lumpur.
Nombor telefon : 03-21489777 sambungan 219/311
E-mel : aduanpdpa@ltat.org.my

Sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan dengan perlindungan data peribadi boleh menghubungi LTAT di alamat seperti di atas. Pertanyaan atau aduan hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi maklumat seperti berikut:

- Nama penuh dan nombor untuk dihubungi.
- Maklumat berkenaan dengan pertanyaan atau aduan.

LTAT mengambil tanggungjawab di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 secara serius. LTAT sangat komited untuk melaksanakan sebarang dasar, amalan dan proses yang berkaitan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dengan mematuhi segala prinsip-prinsip yang diperuntukkan di dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang juga telah dipamerkan di dalam dasar ini.